

Cari salah bukan cara selesai isu pencemaran air

BHARIAN 8/8/19

MS 13



Rafidah
Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Kira-kira 16 tahun lalu, saya pernah ditugaskan menulis rencana mengenai pencemaran air di Sungai Semenyih, yang menyebabkan operasi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih di Presint 19, Putrajaya, dihentikan.

Dibawa menyelusuri Sungai Semenyih dan sungai yang menjadi sebahagian daripada sumber air mentah untuk LRA Sungai Semenyih, saya meninjau kawasan yang disyaki punca pencemaran bahan ammonia iaitu sebuah tapak pelupusan sampah.

Malah, pegawai Konsortium ABBAS yang membawa saya turut memaklumkan mengenai tindakan sesetengah pengusaha kilang sawit yang mengambil peluang hujan lebat untuk melepaskan efluen dalam laluan air, supaya tindakan mereka tidak terkesan pihak berkuasa.

Katanya, syarikat kohsepsi air hanya mampu menghentikan operasi sehingga tiada lagi kesan efluen yang dilepaskan dalam aliran sungai, dan walaupun kegiatan itu dilaporkan, amat jarang sekali tindakan licik itu dapat dikaitkan dengan pelakunya.

Apabila diarah bekerja di pejabat biro, membuat liputan mahkamah membabitkan kes pencemaran sumber air di Selangor juga seperti menjadi kebiasaan. Bukan sekadar bengkel atau kilang haram yang beroperasi di tebing sungai, pernah juga kilang multinasional yang beroperasi di negeri ini turut diseret ke muka pengadilan kerana membuang efluen dalam sumber air mentah negeri.

Kisah pencemaran sumber air mentah seperti yang berlaku di Sungai Selangor baru-baru ini bukan sesuatu yang baharu kerana penduduk di Lembah Klang pernah mengangkut dan menyimpan air apabila berlaku pencemaran bahan dipercayai diesel dalam sungai berkenaan pada 2013.

Kadang-kala terfikir juga, tidakkah pelaku dan keluarganya ter-

kesan dengan gangguan bekalan air tidak berjadual ekoran operasi LRA terpaksa dihentikan seketika sehingga pencemaran selesai ditangani?

Atau mereka mengambil sikap tidak peduli dan turut sama menyalahkan operator Pengurusan Air Selangor Berhad (Air Selangor) kerana ketiadaan air itu? Apa yang berlaku pada 21 Julai lalu, menunjukkan sikap acuh tak acuh sesetengah pihak yang lupa sumber air mentah itulah yang akan dipam masuk ke muka sauk dan disalurkan ke LRA sebelum dirawat dan diagihkan kepada pengguna.

Sama ada sengaja atau tidak, akibatnya berjuta-juta pengguna, tanpa kira bangsa dan usia serta kedudukan terpaksa berdepan ketidakpastian bekalan air. Tidak sampai sebulan, kita dikejutkan lagi dengan berita penemuan 112 tong berisi cecair yang belum dikenal pasti berhampiran anak sungai di perkampungan Orang Asli Sungai Jang, Kerling, Hulu Selangor, Sabtu lalu.

Mujur cecair dari tong itu tidak memasuki aliran Sungai Jang

yang terletak kira-kira 52 kilometer dari LRA Rantau Panjang di Sungai Selangor. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian, dilaporkan berkata, tong itu ditemui kakitangan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) pada jam 7.39 pagi, selepas menerima maklumat berhubung pembuangan tong berisi cecair di lokasi itu.

Apa yang nyata, efluen yang memasuki aliran sungai kita ini bukan hanya menyebabkan kita terputus bekalan air. Benar air yang tercemar itu boleh dipastikan tidak memasuki muka sauk dan loji rawatan, namun, ia akan terus mengalir ke hilir dan ke muara sungai.

Kesannya hanya boleh dilihat selepas hidupan laut dan sungai berkurangan, nelayan kekurangan hasil pendapatan dan kita sebagai pengguna kekurangan bahan makanan. Sejak lebih 10 tahun, nelayan pesisir pantai Selangor sudah mengeluh hasil laut yang bukan saja berkurangan, malah kualitinya sema-

kin merosot.

Jika dahulu kerang boleh dibeli pada harga semurah RM1 sekilogram, besar pula saiznya, kini pada saiz sebesar duit syiling 10 sen, harganya melambung menjadi belasan ringgit sekilogram. Bahan protein paling murah untuk masyarakat kini menjadi terlalu mahal untuk golongan bawahan.

Bukan sekadar nelayan kurang rezeki, masyarakat juga tidak lagi mendapat makanan berkhasiat dan segar pada harga mampu.

Justeru, apa perlu dilakukan? Salah menyalah orang itu orang ini, agensi itu, agensi ini tidak akan membantu menyelesaikan masalah. Selain undang-undang yang lebih ketat, penguatkuasaan juga penting supaya mereka yang bersalah boleh dihukum dan menjadi pengajaran.

Namun, yang paling penting, sikap kita juga harus berubah, dan tidak hanya menunggu orang lain menjadi lebih bertanggungjawab.

Penulis adalah Ketua Biro Berita Harian Selangor